

**Najib Dan Muhyiddin Jumpa Rakyat Terengganu Rabu Dan Khamis Ini
Bernama
29 April, 2013**

KUALA TERENGGANU, 29 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dijangka tiba di sini malam esok bagi memberi semangat kepada jentera pilihan raya Barisan Nasional (BN) di negeri ini pada Rabu, kata Menteri Besar Datuk Seri Ahmad Said.

Beliau berkata Najib yang juga Pengerusi BN akan memulakan kempen dengan bersarapan bersama penduduk kampung Bukit Tunggul dan kemudiannya menyempurnakan majlis penyampaian anugerah desa cemerlang peringkat kebangsaan di Kampung Bukit Wan di sini sebelum hadir di program bersama rakyat di Batu Rakit di Kuala Terengganu.

"Perdana Menteri juga akan bertemu dengan pasukan RELA (Ikatan Relawan Rakyat Malaysia) Kuala Terengganu di stadium negeri.

"Sebelum pulang Perdana Menteri akan bertemu dengan masyarakat nelayan di Mengabang Tengah," katanya kepada pemberita pada majlis penyerahan imbuhan kepada 561 pegawai teknologi maklumat (EIO) dan juruteknik komputer (TSO) di Dewan Konvensyen Taman Tamadun Islam di sini hari ni.

Ahmad yang juga Pengerusi BN Terengganu berkata Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin pula akan berada di Terengganu pada Khamis ini menerusi program bersama rakyat di Dungun dan merasmikan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seri Payong di Bukit Payong, Marang.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=946110>